



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

RINGKASAN GARIS PANDUAN PROGRAM MOBILEPRENEUR@KPLB (PROGRAM USAHAWAN BERGERAK)



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**



Pengenalan

Mobilepreneur@KPLB adalah program yang memberi peluang kepada belia Malaysia yang tergolong dalam kumpulan Berpendapatan Rendah (B40) serta menunjukkan kecenderungan, minat dan kesungguhan untuk menjadi usahawan untuk memulakan perniagaan sebagai sumber pendapatan mereka di luar bandar.



Mobilepreneur@KPLB merupakan inisiatif Kerajaan untuk membantu golongan belia menjalankan perniagaan berkonsepkan perkhidmatan bergerak tanpa memerlukan modal yang besar untuk membuka atau menyewa premis perniagaan.



Peluang menceburi bidang keusahawanan ini akan menjadi asas kepada kumpulan sasaran mengembangkan perniagaan masing-masing.





OBJEKTIF

Mewujudkan kumpulan usahawan bergerak yang menjalankan perniagaan berasaskan perkhidmatan

Membantu belia luar bandar meningkatkan pendapatan melalui bidang keusahawanan

Membolehkan peserta menjalankan perkhidmatan bergerak sebagai kerjaya dan seterusnya memajukan kawasan luar bandar



1

2

3



KOMPONEN BANTUAN

Bantuan yang diberikan berupa sebuah motosikal yang telah diubahsuai lengkap dengan kotak peralatan (rear-box), peralatan (*tool-kit*) mengikut bidang perkhidmatan yang berkaitan serta Latihan Pembangunan Keusahawanan yang perlu diikuti oleh peserta di awal program.

1

Latihan Pembangunan Keusahawanan



2

Motosikal

3

Set Peralatan



Motosikal dan peralatan bantuan adalah menjadi tanggungjawab peserta. Bagi kes-kes tertentu, Agensi Pelaksana/ Kementerian berhak untuk menarik balik motosikal dan peralatan yang disalahgunakan dan boleh dipertimbangkan kepada peserta baru yang layak.

Perjanjian penerimaan dan penggunaan motosikal di antara peserta dan Agensi Pelaksana akan dimeterai bersama.

Motosikal Mobilepreneur akan didaftarkan atas nama peserta tetapi 'HAK MILIK DITUNTUT' berdaftar melalui e-hakmilik JPJ atas nama Agensi Pelaksana dilantik. Pemantauan terhadap peserta Mobilepreneur@KPLB dijalankan dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum diserahkan hak milik motosikal dan peralatan kepada peserta.




Agensi Pelaksana yang dilantik untuk program Mobilepreneur pada tahun 2017 adalah GIATMARA dan FELCRA Training & Consultancy (FTC).



yang bertanggungjawab menguruskan proses tapisan permohonan, tawaran kepada peserta, memeterai perjanjian, melaksanakan Latihan Pembangunan Keusahawanan, penyerahan motorsikal serta peralatan dan pemantauan peserta selama tiga (3) tahun.



Program Mobilepreneur@KPLB memberi fokus kepada perkhidmatan dan bukannya penjualan produk. Skop perkhidmatan Mobilepreneur@KPLB adalah tertumpu kepada 13 perkhidmatan berikut:






SYARAT MEMOHON DAN KUMPULAN SASAR

Syarat-syarat memohon adalah seperti berikut:

- (i) Merupakan warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur antara 18-45 tahun;
- (iii) Memiliki Lesen Motosikal Kelas B2;
- (iv) Memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap II atau setara untuk Automotif, Penghawa Dingin dan Elektrikal; dan
- (iv) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap I atau Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau pengalaman melebihi 6 bulan yang disahkan oleh majikan/ketua kampung beserta sijil kursus jangka pendek.



Kumpulan sasar bagi pelaksanaan program ini adalah kumpulan belia yang berpendapatan rendah B40 iaitu menggunakan asas pendapatan kurang daripada RM3,860 dengan keutamaan diberikan kepada:

- (i) Belia yang tinggal di kawasan luar bandar atau pinggir bandar mengikut kad pengenalan; dan
- (ii) Belia yang tidak pernah menerima sebarang bantuan/program/ projek ekonomi yang lain.



Permohonan terbuka kepada mana-mana belia daripada Institusi atau Pusat Latihan Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Badan-badan Profesional serta tidak terhad kepada lepasan GIATMARA atau FTC sahaja.

Belia yang pernah menjalani kursus kemahiran dan telah mempunyai Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau mempunyai pengalaman melebihi enam (6) bulan dan disahkan adalah layak memohon.

Borang permohonan boleh didapati di semua agensi KPLB meliputi:

- (i) Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Getah (RISDA);
- (ii) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA);
- (iii) Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- (iv) Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA);
- (v) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
- (vi) Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA);
- (vii) Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara (KEJORA);
- (viii) Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH);
- (ix) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR);
- (x) Pejabat KPLB Negeri (PKN);
- (xi) Pusat GIATMARA di setiap negeri;

atau melalui laman web KPLB (www.rurallink.gov.my).

Borang yang telah lengkap diisi dikehendaki dihantar sendiri oleh pemohon melalui mana-mana agensi di bawah KPLB berhampiran dengan membawa bersama salinan asal dokumen dan sijil untuk tujuan pengesahan

Pengesahan alamat kediaman dan pendapatan perlu diperolehi oleh pemohon daripada mana-mana pihak seperti dinyatakan di dalam borang permohonan.

Agensi-agensi KPLB bertanggungjawab menerima permohonan, menyemak syarat permohonan dipenuhi dan merekodkan permohonan sebelum mengemukakan borang permohonan samaada terus kepada Agensi Pelaksana atau KPLB untuk proses selanjutnya.

Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program, sila hubungi:

Bahagian Pembangunan Usahawan Desa
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Aras 19, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4

62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8891 5639/ 5606/ 5600

No. Faks: 03-8881 0264

E-mel: mobilepreneur@rurallink.gov.my